

Kajian Metodologi Penulisan Tafsir Nur Ihsan

Amran Bin Abdul Halim

amranabdulhalim@usim.edu.my

Muhammad Abrar Bin Mohamed Razelan

Abdulloh Salaeh

Ahmad Kamel Mohamed

Syed Najihuddin Syed Hassan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Selain daripada kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti tafsir al-Tabari, Ibn Kathir, Tafsir fi Zilal al-Quran dan lain-lain, terdapat juga tafsir yang ditulis oleh para sarjana dan ilmuan di Malaysia, antaranya ialah Tafsir Nur Ihsan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti metodologi penulisan kitab tersebut yang ditulis oleh Haji Muhammad Said Umar dengan cara meneliti bentuk atau kaedah penulisannya. Hasilnya ialah penulis mendapati bahawa penulisan kitab ini adalah dengan cara tafsir al-quran secara ijmal iaitu dengan ringkas dan menggunakan bahasa yang mudah di fahami. Metod ini mentafsirkan ayat satu persatu mengikut kronologi ayat setiap surah. Penulis juga mendapati bahawa kaedah penulisan kitab ini adalah mirip kepada penulisan kitab tafsir jallalain. Seterusnya kitab ini ditulis dengan menggunakan tulisan jawi lama. Seperti kitab-kitab yang menggunakan tulisan jawi lama, kebanyakannya tidak meletakkan tanda baca seperti koma dan titik dalam penulisan mereka. Walau bagaimanapun, pengarang meletakkan pemisah di antara dua surah dengan meletakkan nama surah dan bilangan ayat bagi setiap surah. Selain daripada itu, pengarang juga ada meletakkan tajuk umum bagi sesetengah ayat bagi memudahkan pembaca untuk mengetahui perbincangan yang berkaitan dengan ayat yang akan di baca seperti hukum faraid. Hasil kajian juga mendapati beberapa kitab tafsir yang ditulis secara lengkap 30 juzuk dan terdapat sebilangan kitab tafsir ditulis mengikut surah. Selain itu metode yang digunakan oleh kebanyakan pentafsir-pentafsir adalah menggabungkan tafsiran dari kitab-kitab tafsir bahasa Arab yang muktabar.

Kata Kunci: Haji Muhammad Said Umar, Tafsir Nur Ihsan, Jawi, *Jallalain*

PENDAHULUAN

Al-Quran telah diturunkan melalui perantaraan Malaikat Jibrail a.s. kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa arab. Di dalamnya terdapat ayat-ayat yang boleh difahami dan ada yang susah untuk difahami yang mana ianya memerlukan kepada penafsiran untuk mendapat penjelasan terhadap ayat-ayat tersebut dan keterangan yang benar dengan apa yang difirmankan oleh Allah melalui kaedah ilmu-ilmu yang tertentu. Pengajian tafsir di Tanah air adalah kesinambungan pengajian al-Quran yang dijalankan pada awal kedatangan Islam. Pengajian al-Quran bermula di rumah, surau

dan masjid. Ia terus berkembang ke peringkat yang lebih tinggi seperti pondok, sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Selain daripada kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti tafsir al-Tabari, Ibn Kathir, Tafsir fi Zilal al-Quran dan lain-lain, terdapat juga tafsir yang ditulis oleh para sarjana dan ilmunan di Malaysia, antaranya ialah Tafsir Nur Ihsan. Perkembangan bidang tafsir di Malaysia dipengaruhi oleh tokoh ulama Melayu daripada pelbagai institusi pendidikan dan setiap daripada mereka mempunyai metode pengajian tafsir yang tersendiri. Keunggulan ilmu tokoh ulama terdahulu dapat dilihat melalui penghasilan kitab-kitab tafsir. Kajian ini bertujuan menganalisis metode penulisan dan pentafsiran kitab Tafsir Nur al-Ihsan karya Muhammad Said Bin Umar. Melalui pendekatan kajian perpustakaan, penulis berusaha meneliti dua aspek tersebut dalam karya Muhammad Said Bin Umar dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan.

Biodata pengarang

Nama penuh pengarang kitab tafsir Nur al-Ihsan ialah Haji Muhammad Said Bin Umar Khatab Bin Aminuddin Bin Abdul Karim. Beliau dilahirkan pada tahun 1275 hijrah bersamaan 1854 Masihi di sebuah kampung yang bernama Kampung Kuar, Jerlun Di Negeri Kedah Darul Aman. Beliau merupakan anak pertama daripada dua adik-beradik. Adiknya bernama Haji Ismail. Bapanya digelar sebagai "Umar al-Khatab" disebabkan oleh ketokohan beliau dalam memberi ucapan di khalayak ramai dan menyampaikan khutbah. Ketika hayatnya, itulah pekerjaan yang dilakukan sebagai satu sumbangan terhadap masyarakat dalam menegakkan syariat Islam.

Haji Muhammad Said berasal daripada negeri Kedah, namun demikian beliau telah menjelajah ke beberapa tempat sebelum beliau menetap dan meninggal dunia di negeri Kedah. Bapa beliau telah berpindah ke Changkat di Kerian, Perak. Kemudian berpindah ke Sungai Aceh, selepas itu pulang semula ke Kedah pada 1312 hijrah. Dikatakan penghijrahan beliau ke Kampung Kedah adalah disebabkan Kedah diserang oleh tentera Siam. Semasa berada di Kampung Kedah beliau mengajar pondok dan mengajarkan sawah.

Beliau telah mendapat pendidikan di Fatoni dan Makkah. Penduduk tempatan memanggil beliau dengan pelbagai gelaran antaranya ulama, tok lebai, pengkaji dan guru tafsir al-Quran. Panggilan yang tepat sekali untuk beliau adalah guru tafsir kerana merujuk kepada sumbangan beliau yang begitu besar yang dilakukan oleh beliau iaitu dengan wujudnya tafsir Nur al-Ihsan dalam bahasa Melayu yang mana ia boleh didapati di kedai-kedai buku. Perkara utama yang mendorong penulisannya dalam tafsir tersebut adalah permintaan dari orang ramai yang datang belajar tafsir dengannya. Tujuan utama penulisan tafsir ini dalam Bahasa Melayu agar mudah difahami oleh orang-orang Melayu khususnya.

Beliau telah dikurniakan dengan lapan belas orang cahayamata hasil daripada tiga perkahwinan. Perkahwinan pertama beliau dengan Fatimah dan dikurniakan oleh Allah tiga orang anak lelaki iaitu Muhammad, Mahmud dan Ahmad. Tempoh perkahwinan ini tidak begitu lama kerana Fatimah meninggal dunia dalam usia yang muda. Kemudian beliau telah berkahwin dengan wanita yang berasal dari Bukit Mertajam yang bernama Rahmah. Hasil daripada perkongsian hidup beliau dengan Rahmah, beliau telah dikurniakan dengan lima orang anak, iaitu Chik Man, Abdul Hamid, Umar, Suffiyah dan Fatimah. Kemudian perkahwinan ketiga beliau dengan Hamidah yang merupakan anak kelahiran Perak yang tinggal di Kampung Kedah. Melalui perkongsian hidup

bersama Hamidah beliau telah dianugerahkan dengan sepuluh orang anak iaitu Mustaffa, Qassim, Chik Hassan, Mat Aqib, Hussain, Mansur, Nasir, Chik Maryam, Siti Hajar dan Chik Asma.

Haji Muhamamd Said pernah dijemput supaya kembali semula ke Kedah melalui wakil yang diutuskan oleh Tengku Mahmud, seorang kerabat diraja Kedah dengan alasan mengapakah orang Kedah perlu menetap di Perak. Selepas itu beliau telah pulang ke Kedah dan telah diberikan sebidang tanah di Kancut yang terletak di Alor Setar. Beliau telah diberi jawatan sebagai guru, yang mengajar anak-anak kerabat diraja. Antara pelajaran yang diajar ialah Ilmu Tafsir Al-Quran.

Beliau kemudian dilantik sebagai kadi di Jitra dan terkenal dengan gelaran Haji Said Mufti. Di Jitra, beliau tinggal dengan isterinya yang ketiga. Di samping jawatannya sebagai seorang kadi beliau menjalankan kegiatan menyebarkan risalah Islam dengan mengajar di masjid dan surau di sekitar Jitra.

Walaupun beliau dikelilingi oleh kesibukan, beliau masih mampu meluangkan masanya dalam bidang penulisan. Beliau telah mengarang kitab Nur al-Ihsan dan sebuah kitab fatwa yang bernama Fatawa Kedah mengandungi fatwa-fatwa yang berkaitan dengan nikah dan cerai. Semangat beliau dalam bidang penulisan semakin kuat apabila diberi galakan daripada Sultan Kedah sendiri iaitu Sultan Abdul Hamid.

Walaupun dalam usianya 75 tahun, beliau masih lagi berkhidmat sebagai kadi. Pada ketika itu, beliau di serang penyakit dan telah lumpuh di sebelah badan. Disebabkan itu, beliau telah dibedah dan dibawa pulang ke pangkuan isterinya yang kedua di Jitra. Setelah beberapa hari di sana, beliau kembali semula ke Kancut bersamanya isterinya yang ketiga. Pada hari rabu selepas asar, 9 Mac 1932 beliau telah kembali ke rahmatullah. Jenazah beliau telah disemadikan di Masjid Alur Merah, Alor Setar, Kedah.

METODOLOGI PENULISAN

Kitab ini merupakan tafsir al-Quran al-Karim yang ditulis dalam Bahasa Melayu kedah dengan menggunakan tulisan jawi klasik seperti kata beliau (Muhammad Sa'id, 1391H/1970M, hlm. 2)

بھوا ھمب سورة بانگ مریکنت دغن بھاس ملايو قدح :

Mengenai pemakaian bahasa dan ejaan dalam kitab ini, pengarang banyak menggunakan Bahasa Melayu Kedah lama dan sebahagiannya agak sukar untuk difahami oleh generasi sekarang. Keadaan ini terjadi lantaran kerana faktor zaman penghasilan kitab ini, di mana tahap pembinaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu masih rendah dan masih kuat dipengaruhi oleh gaya bahasa Melayu lama.

Contohnya :

- i. Hambat keluar (ھمبة كلوار)
- ii. Tiada sayugia (تياد سيکيا)
- iii. Menyengehaja (ميغھاج)

Pada permulaan mukasurat pengarang akan meletakkan tajuk kitab serta bilangan jilid.

Contoh bagi jilid pertama : تفسير نور الإحسان فكل قرآنا

Contoh bagi jilid yang kedua: تفسير نور الإحسان فكل كدوا

Contoh bagi jilid yang ketiga: تفسير نور الإحسان فكل كتيك

Contoh bagi jilid yang keempat: تفسير نور الإحسان فكل كأمقت

Bagi penomboran pula, nombor muka surat atas diletakkan di bahagian atas sebelah kanan jika ia merupakan helaian kanan. Manakala nombor akan di letakkan di sebelah kiri jika ia merupakan helaian kiri.

Seperti yang pengkaji nyatakan, pengarang telah menulis kitab ini dengan menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya dan kadang-kadang ia turut diselangi dengan kalimah-kalimah Bahasa Arab yang mana akan disusuli pula dengan maksudnya dalam Bahasa Melayu. Dalam konteks karya-karya bahasa Melayu Jawi sering kali berlaku pengadaptasian terhadap istilah-istilah bahasa Arab, khususnya istilah agama ke dalam bahasa Melayu (Al-Attas, 1988) sama ada dalam proses penterjemahan mahupun konteks penggunaannya dalam bahasa Melayu Jawi. Hal ini sudah semestinya akan turut mempengaruhi aspek terjemahan yang dihasilkan pengarang sama ada banyak atau sedikit. Akan tetapi, tiada sebarang tanda ataupun kurungan yang dibuat bagi membezakan di antara perkataan bahasa Melayu dan Bahasa Arab.

Contoh: (Muhammad Sa'id, 1391H/1970M, hlm. 46)

(وما بعضهم بتابع قبلة بعض) دان تيادا ست غه مريكتيت دغن مغيكوه قبله ست غه اربي تياد ايكوه يهودي قبله
نصاري دان عكسث

Pengarang membezakan ayat al-Quran dengan menulis ayat-ayat al-Quran dengan saiz yang lebih besar berbanding terjemahan dan tafsir. Pengarang juga meletakkan ayat al-Quran di antara dua kurungan serta membariskan tiap-tiap ayat tersebut. Jadi pembaca dapat membezakan antara ayat- al-Quran dan terjemahan dengan mudah. Menurut (Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Muhd Najib Abdul Kadir, 2014), gaya penulisannya mirip kepada tafsir al-Jalalain iaitu menulis ayat al-quran dalam kurungan kemudian diterjemahkan makna ke dalam bahasa Melayu dan huraian tentang ayat tersebut secara ringkas.

Selain itu, pengarang akan memulakan penulisan dengan menulis nama surah serta menyatakan samada ia surah *madani* atau *makki*. Jika terdapat khilaf atau percampuran antara ayat *makki* dan *madani* dalam satu surah, maka pengarang akan menyatakan secara terperinci. Hal ini secara tidak langsung membantu pembaca untuk mengetahui dan mempelajari sebahagian ilmu ulum al-Quran melalui kitab tafsir ini. Pengarang turut meletakkan bilangan ayat-ayat bagi setiap surah dan penulis mendapati satu keistimewaan surah al-Baqarah daripada surah-surah yang lain kerana pengarang ada memasukkan sebab penamaan surah tersebut.

Sedikit kelemahan pada kitab ini, pengarang tidak meletakkan nombor ayat. Hal ini menyukarkan pembaca untuk mencari dan merujuk ayat yang pembaca mahu memahami pentafsirannya. Akan tetapi, pengarang ada meletakkan *fihris* atau isi kandungan di muka surat terakhir setiap jilid kitab untuk rujukan pembaca.

Kitab ini mentafsirkan 30 juzuk al-Quran yang telah ditulis dalam 4 jilid. Jilid pertama, terkandung terjemahan dan tafsir al-Quran mulai surah al-Fatihah hingga surah al-Maidah, setebal 296 halaman. Pada permulaan jilid ini, pengarang ada menyatakan tujuan beliau menulis kitab tafsir dan sumber ambilan serta rujukan yang beliau gunakan bagi mengarang kitab ini. Selepas itu, pengarang mendatangkan satu mukadimah yang dimuatkan di dalamnya perkara asas (fardu ain) bagi seorang Muslim (Muhammad Sa'id, 1391H/1970M, hlm. 3-4). Ini merupakan satu keistimewaan berbanding kitab-kitab tafsir yang lain yang mana pengarang mendatangkan perkara yang patut diketahui oleh seorang Muslim.

Dalam jilid kedua, dimuatkan terjemahan dan tafsir dari awal surah al-An'am hingga surah al-Isra setebal 429 halaman. Manakala jilid ketiga pula, kandungannya dimulai dari awal surah al-Kahfi hingga az-Zumar, setebal 432 halaman. Di akhir jilid yang ketiga ini ada beliau nyatakan tarikh selesai beliau menulis iaitu pada hari Isnin, 27 Zulhijjah 1345H. Jilid keempat pula mengandungi tafsir dan terjemahan dari awal surah al-Mukmin hingga surah an-Nas setebal 387 halaman. Beliau menyatakan jilid tersebut selesai ditulis pada 1 Rabiulakhir 1346H / 27 Jun 1927.

Selain daripada itu, pengarang juga ada meletakkan tajuk umum bagi sesetengah ayat bagi memudahkan pembaca untuk mengetahui perbincangan yang berkaitan dengan ayat yang akan di baca seperti hukum faraid (Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Muhd Najib Abdul Kadir, 2014, hlm. 29). Contoh yang lain seperti

(قصة امبيل ايكن هاري سبت) (قصة مريم برانق) (قصة يهودي جادي كافر) (قصة فحه كيكي ني)

dan sebagainya.

Manakala dari sudut percetakan, Ia dicetak buat pertama kalinya di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1349 H/1929 M, kemudian di Bangkok, Thailand pada tahun 1934 Masihi, seterusnya di Pulau Pinang pada 1936 Masihi (Muhammad Ismi., 2003). Jadi dengan pencetakan yang pelbagai ini, dapatlah kita ketahui tafsir ini bukan sahaja tersebar di bumi Melayu khususnya di negeri Kedah, bahkan di Perak Utara, Seberang Prai Pulau Pinang dan juga di Selatan Thailand. (Rahman, 2010)

METODE PENTAFSIRAN

Para ulama yang terkemuka membahagikan metode tafsir secara asasnya kepada dua iaitu metode tafsir bi al-ma'thur dan metode tafsir bi al-ra'yi. Tafsir bi al-ma'thur dikenali juga sebagai tafsir bi al-riwayah atau dalam bahasa Inggeris dinamakan interpretation based on transmission. Manakala tafsir bi al-ra'yi dikenali juga sebagai tafsie bi annazar atau tafsir bi al -ijtihad dan dalam bahasa inggeris sebagai interpretation based on opinion (Fadzil, 2015). Secara kesimpulannya, tafsir bi al ma'thur ialah tafsir al-Quran yang di ambil daripada al-Quran, hadis Nabi Muhammad SAW, pendapat para sahabat dan tabi'in. Manakala tafsir bi al-ra'yi pula, merujuk kepada pendapat di mana para mufassir akan menggunakan akal fikiran mereka dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran.

Kitab tafsir Nur al-Ihsan merupakan tafsir gabungan antara metode tafsir bi al-ma'thur dan metode tafsir bi al-ra'yi. Menurut (Yusoff, 1995) tafsirannya adalah ringkas sekadar boleh difahami maksud ayat dan tidak diperluaskan perbincangan mengenai perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli tafsir. Tulisannya terikat dengan gaya bahasa Melayu lama yang sebahagiannya agak sukar untuk difahami oleh generasi sekarang.

Oleh itu, bagi pembaca yang ingin menelaah kitab ini, mestilah sekurang-kurangnya mempunyai asas Bahasa Arab dalam proses mempelajari dan memahami kitab tafsir ini. Jika diteliti, Muhammad Said sebenarnya telah memudahkan jalan kepada para pembaca kerana beliau terus membawa terjemahan bagi setiap kalimah Arab itu. Selain daripada itu, dalam masa yang sama juga pembaca boleh mengambil faedah untuk memperkayakan lagi perbendaharaan kata dalam Bahasa Arab.

Selain itu, (Haziyah Hussin, Bahrum Faizan, 2014) menyatakan bahawa mereka telah mengenal pasti enam kaedah terjemahan yang diaplikasikan oleh pengarang Tafsir Nur al-Ihsan.

1. Terjemahan interlingual. Terjemahan ini bermaksud 1. mengalih atau menterjemahkan satu pesanan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran dengan padanan terjemahannya seperti dari bahasa Arab ke bahasa Melayu
Contoh : Terjemahan interlingual ini dapat dilihat dengan jelas menerusi interpretasi yang dilakukan pengarang Tafsir Nur al-Ihsan terhadap ayat 127 surah al-Baqarah, iaitu:
Ayat ini diterjemahkan sebagai, “Dan ketika mengangkat oleh Nabi Ibrahim akan qawa'id: foundation: kaki daripada Baytu'Llah dan Nabi Isma'il” (Muhammad Said 1391H: 40).
2. Terjemahan secara terikat. Ia adalah terjemahan yang 2. hanya melibatkan tingkat-tingkat tertentu sahaja, seperti tingkat kata atau morfem. Kaedah terjemahan ini terikat dengan aspek bentuk, struktur ayat, tatabasa bahasa sumber. Terjemahan kata demi kata (katawi) termasuk dalam kategori ini
Contoh: Terjemahan secara katawi ini dapat diperhatikan sewaktu pengarang Tafsir Nur al Ihsan menterjemahkan 10 surah al-Baqarah iaitu sebagai, “Pada dalam hati mereka itu sakit (erti: syak dan nifak ialah yang menyakit akan hati mereka itu)” (Muhammad Said 1391H: 8).
3. Terjemahan penuh. Terjemahan ini bermaksud 3. keseluruhan teks dalam bahasa sumber diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan sepenuhnya tanpa meninggalkan sedikit pun teks sumber tersebut
Contoh: Terjemahan secara penuh dapat dilihat sewaktu pengarang Tafsir Nur al-Ihsan menterjemahkan ayat 3 surah al-Baqarah iaitu sebagai “dan segala mereka yang beriman” (Muhammad Said 1391H: 7).
4. Terjemahan tidak sepenuhnya atau sebahagian. Dalam terjemahan ini ada beberapa bahagian teks sumber tidak diterjemahkan ke bahasa sasaran. Malah teks-teks tersebut dipindahkan begitu sahaja dan digabungkan dengan bahasa terjemahannya
Contoh: Terjemahan tidak sepenuhnya ini dapat diteliti ketika pengarang Tafsir Nur al-Ihsan menterjemahkan ayat 57 surah al-Baqarah iaitu:
sebagai “Dan telah Kami turunkan atas kamu padanya akan manna dan salwa” (Muhammad Said 1391H: 19). Dalam terjemahan ini berlaku pemindahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu secara begitu sahaja dan digabungkan dengan bahasa terjemahannya
5. Terjemahan komunikatif. Dalam penterjemahan ini, 5. penterjemah berusaha untuk menghasilkan pada pembacanya kesan makna yang paling hampir seperti yang dialami oleh pembaca teks asal
Contoh : Terjemahan komunikatif dapat dilihat ketika pengarang Tafsir Nur al-Ihsan menterjemahkan ayat 255 surah al-Baqarah: sebagai “Telah luaslah oleh Kursi-Nya (tujuh petala) langit dan bumi. (Kata qila: “Meliputi ilmu-Nya”, dan kata qila: “Milik-Nya”, dan kata qila: “Diri Kursi melengkapi atas keduanya” (Muhammad Said 1391H: 87).

6. Terjemahan langsung. Mengikut kaedah ini, sesebuah 6. teks itu akan diterjemahkan berdasarkan makna sebenar yang asal tanpa mengadaptasinya mengikut bahasa sasaran atau mengikut tafsiran dan agakan penterjemah sendiri
Contoh : Terjemahan langsung dapat dilihat sewaktu pengarang Tafsir Nur al-Ihsan menterjemahkan ayat 197 Surah al-Baqarah iaitu:
sebagai “maka tiada jimak dan tiada buat maksiat, dan tiada berbantah-bantah pada dalam kerja haji” (Muhammad Said 1391H: 63)

METODE TAFSIR BI AL- MA'THUR

Ayat-ayat al-Quran dalam kitab tafsir ini ditafsirkan mengikut kaedah *tahlili*, dan huraianannya agak ringkas, sederhana dan sekadar boleh difahami maksudnya. Ini semua dilakukan bertujuan untuk mengambil kira tahap pencapaian ilmu di kalangan masyarakat pada ketika itu yang rata-ratanya kurang terdedah kepada bidang ilmu tafsir dan masih ramai lagi yang tidak mahir dalam bahasa Arab. Kenyataan ini boleh dirujuk kembali kepada permintaan masyarakat setempat agar pengarang menulis tafsir dalam Bahasa Melayu untuk memudahkan mereka memahami maksud ayat-ayat al-Quran. Pengarang telah menggabungkan dua bentuk pentafsiran, iaitu *tafsir bi al-ma'thur* dan juga *bi al-ra'yi*.

Tafsir al-Quran Bi al-Quran

Muhammad Said hanya menyertakan sedikit sahaja ayat-ayat daripada surah yang lain semasa mentafsirkan dan membincangkan sesebuah ayat. Ayat-ayat sampingan tersebut ditafsirkan dengan ringkas dan ia tidaklah dijelaskan dengan terperinci, tetapi ia dibawa sekadar sebagai penyokong kerana ia turut mempunyai kaitan dengan ayat yang dibincangkan.

Contohnya :

(قل ءأنتم أعلم أم الله) كات اوليهمو يا محمد باكي مريكتيت اداكه كامو ايت ترليه كتهوي اتو الله ترليه كتهوي درقد كامو دان سغ كوهش تله لفس درقد كدواش اوله نبي ابراهيم دغن فرمانش ما كان ابراهيم يهوديا ولا نصرانيا. تباد اد نبي ابراهيم ايت يهودي دان تباد نصارى دان مريك ي غترسبوة سرتاش ايت م غيكوة باكي ث قد كلفسن ايت

Tafsir al-Quran Bi al-Hadis

Terdapat banyak potongan-potongan Hadis yang dimuatkan ke dalam kitab tafsir ini. Walau bagaimanapun, Hadis-hadis yang dibawa itu tidak dilampirkan bersama-samanya sanad dan hanya disandarkan terus kepada Rasulullah S.A.W. ataupun para sahabat Baginda.

Selain daripada itu, matan Hadis dibawa dalam Bahasa melayu sepenuhnya tanpa ada satu pun matan asal daripada Bahasa Arab. Selanjutnya, pengarang *mentakhrijkan* sesetengah Hadis tanpa dinyatakan martabatnya sama ada sahih, hasan ataupun da'if.

Semasa mendatangkan sesebuah Hadis, pengarang tidak menyelaraskannya hanya dalam satu bentuk sahaja, malah terdapat banyak kepelbagaian padanya. Di antaranya ialah :

- i. Hadis yang disandarkan terus kepada Rasulullah S.A.W.

- Sabda Nabi S.A.W.:

سبدا نبي صلى الله عليه وسلم بارغ سياف بري ت غكوه اورغ فاغ اتو كوكور هوت غ درفدش نسچاي
مناوغ الله تعالى اكندي فد ناوغن فد هاري ي غ تباد ناوغ ملينكن ناوغن

- Dan sabda ia:

دان سبدا اي اقبيل اغ كو ليهه سكل مريكي غ م غيكوه بارغ ي غ شبهه ايت مك مريكنيت له ي غ دنام اوله
الله تعالى مك تاكوه اوله كامو اكن مريكنيت

ii. Disandarkan kepada para sahabat.

- Kata Ali r.a. sabda Nabi S.A.W.:

... كات علي رضي الله عنه سبدا نبي صلى الله عليه وسلم تتكل مئوره الله تعالى بهوا دتورن فاتحه دان آية الكرسي

- Dan daripada Ibn 'Abbas berkata ia:

دان درفد ابن عباس بركات اي چكالو كلوار سكل مريك ي غ مباله ايت نسچاي كمبالي تباد دافه هرت دان
تياد اهل

- Dan daripada Abi Musa al-Asy'ari dengar nabi S.A.W. bersabda ia:

دان درفد أبي موسى الاشعري دغر نبي صلى الله عليه وسلم برسبدا اي تباد اكو تاكوه اتس اومتكو ملينكن تيغ
...فركارا يأت بايق هرت مك برحسد2 دان برهونه

iii. Disebutkan takhrij Hadis

- Riwayat al-Syaykhani:

روي الشيخان درفد عائشة كات اي باچ نبي صلى الله عليه وسلم اين ايات...

- Dan pada Hadis Muslim:

دان قد حديث مسلم اي دودق توجه تاهون...

- Pada Hadis Abi Dawud :

دان قد حديث ابي داود امثة قوله تاهون...

iv. Terus dinyatakan terjemahan Hadis

- Seperti datang pada Hadis maka:

سقرت دات غ قد حديث مك فينتأ ايت م غ اكو دغن نعمة الله تعالى

PENTAFSIRAN BERDASARKAN ASPEK ULUM AL-QURAN

PENJELASAN SEBAB NUZUL AYAT

Aspek *Asbab al-Nuzul* tidak dipandang sepi oleh Ustaz Muhammad Said, dan beliau turut menyertakannya dan tidak kesemua ayat yang mempunyai sebab penurunannya dinyatakan *asbab nuzulnya*. Satu pengkajian yang telah dilakukan (Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Mohd Nizam Sahad., 2013) menunjukkan sebanyak 200 sabab nuzul telah di letakkan oleh pengarang dalam kitab tafsirnya. Akan tetapi (Mohd Nazri bin Ahmad, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad, 2016) menyatakan di dalam Tafsir Nurul Ihsan terdapat 174 riwayat *Asbab al-Nuzul* yang dinukil oleh pengarangnya Haji Muhammad Said bin Umar. Bagi ayat-ayat yang dinyatakan sebab nuzulnya, pengarang tidak mendatangkan sanadnya, bahkan ia terus disandarkan kepada Rasulullah S.A.W.

AYAT-AYAT HUKUM

Dalam membicarakan mengenai isu-isu berkenaan ayat-ayat hukum, Muhammad Said telah meletakkan tajuk-tajuk bagi ayat-ayat hukum dan beliau akan mengupasnya dengan agak panjang jika dibandingkan dengan ayat-ayat biasa.

Walau bagaimanapun, pengarang tidak membawa pendapat mana-mana imam mazhab yang empat mengenai hukum tersebut, sebaliknya hukum tersebut hanya dinyatakan secara umum sahaja.

Berkenaan dengan ayat hukum pengarang telah meletakkan tajuk bagi setiap ayat yang berkenaan. Contohnya sebelum menyebut ayat tersebut diletakkan dahulu tajuk “hukum Qisas” atau “hukum faraid” kemudian di jelaskan ayatnya berserta dengan huraian. Kebiasaannya setiap ayat al-Quran diletakkan dalam kurungan. Contohnya:

(Hukum Qisas)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ

telah di fardukan atas kamu itu akan qisas berbalas-balas pada segala bagi bunuh sifat dan perbuatannya (الحر بالحر) dibunuh orang merdeka dengan sebab bunuh orang merdeka tiada dengan sebab bunuh hamba (والانثى بالانثى) dan perempuan dengan perempuan dan telah di nyata oleh Sunnah bahawa lelaki dibunuh dengan bunuh perempuan dan di iktibar bersama-sama pada agama maka tiada dibunuh muslim jika hamba sekalipun.

Dari petikan tersebut pengarang telah menghuraikan maksud ayat hukum iaitu dengan menerangkan makna ayat tersebut “telah di fardukan ke atas kamu qisas “ selepas perkataan qisas diterangkan maknanya iaitu berbalas-balas. Kemudian dinyatakan ayat berikut merupakan sifat-sifatnya dan cara perlaksanaan hukum qisas.

Hasil dari penelitian, didapati segala apa yang tercatat di dalam tafsir ini merupakan terjemahan daripada tafsir Jalalain. Walaupun begitu, tidak kesemuanya diambil dari tafsir tersebut, bahkan ada juga ditinggalkannya seperti keterangan yang berkaitan dengan kaedah bahasa Arab iaitu i'rab.

SUMBER RUJUKAN BAGI KITAB TAFSIR NUR AL-IHSAN

Seperti yang dinyatakan di dalam pendahuluan jilid yang pertama, ia adalah ambilan daripada tafsir Jalalain karangan imam, (al-Suyuti dan al-Mahalli, Jalal al-Din., 1337H/1919M), tafsir al-Baydawi karangan Imam (al-Baydawi, 1416H/1996M) dan tafsir al-Jamal karangan Imam (al-Jamal). Akan tetapi melalui kajian (Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Mohd Nizam Sahad., 2013), menambah beberapa kitab tafsir yang lain iaitu: Tafsir al-Khazin, Tafsir al-Baghawi, Tafsir al-Tabari, Tafsir al-Qurtubi, Tafsir al-Razi, Tafsir al-Nasafi, Tafsir Ibn Kathir. Hal ini menunjukkan, usaha dan kerja keras pengarang dalam mengarang kitab tafsir Nur al-Ihsan dengan merujuk karya-karya tafsir yang muktabar. Walaupun karya-karya tafsir yang menjadi rujukan pengarang ini agak luas dan mendalam perbahasannya, namun begitu, pengarang masih lagi mengekalkan metodologinya dan mentransformasikan isi penting sahaja ke dalam kitab tafsirnya.

RUMUSAN DAN CADANGAN

1. Kitab tafsir Nur al-Ihsan mentafsirkan 30 juzuk al-Quran dalam 4 jilid dengan menggunakan tulisan penghantarnya tulisan jawi klasik. Sebahagian perkataan tidak lagi digunakan oleh generasi sekarang. Hal tersebut menyebabkan ia sukar difahami oleh generasi sekarang.
2. Pengarang kurang menggunakan tanda baca seperti titik, koma, titik bertindih dan tanda tanya dalam penulisan kitab tafsir ini. Selain itu, pengarang juga tidak menggunakan kurungan untuk membezakan antara perkataan Melayu dan Arab.
3. Pengarang membesarkan saiz tulisan untuk ayat al-Quran dan membariskannya dalam membezakannya dengan kalimah Arab dan Melayu.
4. Nombor mukasurat dan tajuk kitab di letakkan di bahagian atas setiap mukasurat.
5. Pengarang menggabungkan metode *al-ma'thur* dan juga *al-ra'yi* di dalam penulisan ini.
6. Tafsirann dalam kitab ini adalah ringkas sekadar boleh difahami maksud ayat dan tidak diperluaskan perbahasan mengenai perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli tafsir.
7. Enam kaedah terjemahan dikenal pasti yang telah diaplikasikan oleh pengarang Tafsir Nur al-Ihsan.
8. Kaedah pentafsiran yang digunakan adalah metode *tahlili*, dan huraianannya agak ringkas, sederhana dan sekadar boleh difahami maksudnya. Ia mengambil kira tahap pencapaian ilmu di kalangan masyarakat pada ketika itu.
9. Pengarang menyertakan sedikit sahaja ayat-ayat daripada surah yang lain semasa mentafsirkan dan membincangkan sesebuah ayat. Ayat tersebut dibawa sekadar sebagai penyokong kerana ia turut mempunyai kaitan dengan ayat yang dibincangkan.
10. Pengarang ada mendatangkan hadis bagi mentafsirkan ayat al-Quran. Walau bagaimanapun, Hadis-hadis yang dibawa itu tidak dilampirkan bersama-samanya sanad dan hanya disandarkan terus kepada Rasulullah S.A.W. ataupun para sahabat Baginda.

11. Selain daripada itu, matan Hadis dibawa dalam Bahasa Melayu sepenuhnya tanpa ada satu pun matan asal daripada Bahasa Arab. Selanjutnya, pengarang *mentakhrijkan* sesetengah Hadis tanpa dinyatakan martabatnya sama ada sahih, hasan ataupun da'if.
12. Kajian menyatakan di dalam Tafsir Nur al-Ihsan terdapat 174 riwayat Asbab al-Nuzul yang di nukil oleh pengarangnya. Namun begitu, ayat-ayat yang dinyatakan sebab nuzulnya, pengarang tidak mendatangkan sanadnya, bahkan ia terus disandarkan kepada Rasulullah S.A.W.

CADANGAN

1. Penulis mencadangkan kitab tafsir Nur al-Ihsan ini diberi khidmat dengan di *tahqiqkan* dengan meletakkan tanda baca yang berkaitan bagi memudahkan pembaca memahami maksud kitab dengan mudah dan jelas. Selain itu juga, *pentahqiqan* dari sudut ayat dan hadis yang dinyatakan di dalam kitab ini dirasakan perlu bagi menjaga martabat hadis dan mengangkat mutu kitab tersebut.
2. Penulis juga mencadangkan agar kitab tersebut diberi nafas baru dengan mendatangkan isi kitab dalam tulisan rumi dan membuat nota kaki bagi perkataan-perkataan klasik yang sudah tidak lagi digunakan.
3. Kajian-kajian terhadap kitab ini perlu di perbanyakkan lagi bagi menggali khazanah yang berharga yang telah di tinggalkan oleh ulama yang alim ini.
4. Kitab ini juga perlu diperkenalkan kepada generasi sekarang bagi meneruskan legasi ulama tempatan seterusnya sebagai pelapis bagi ulama akan datang.
5. Dicadangkan juga kitab ini dibuat ringkasan ataupun syarahan bagi memperkenalkan dan mempromosikan serta menggalakkan pembacaan pada kitab ini.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: .: University of Malaya.
- al-Baydawi, N. a.-D.-S. (1416H/1996M). *Tafsir al-Baydawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Jamal, S. b.-U. (n.d.). *Tafsir al-Jamal*. al-Qahirah: Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Suyuti dan al-Mahalli, Jalal al-Din. (1337H/1919M). *Tafsir al-Jalalyn*. Dimashq: Dar al-Ulum al-Insaniyyah .
- Fadzil, P. M. (2015). *ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAFSIR*. Selangor Darul Ehsan : Open University Malaysia (OUM).
- Haziyah Hussin, Bahrum Faizan. (2014). Kaedah Terjemahan Nas al-Quran dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *Islammiyyat*, 33-40.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Muhd Najib Abdul Kadir. (2014). *PENGENALAN TOKOH-TOKOH DAN KITAB TAFSIR MELAYU ULAMA NUSANTARA*. BANGI, SELANGOR: PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA .
- Mohd Nazri bin Ahmad, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad. (2016). Kesan Riwayat Asbab al-Nuzul yang Da'if dalam Tafsir Nurul Ihsan. *al-Turath*, 1-14.
- Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Mohd Nizam Sahad. (2013). BACAAN INTERTEKSTUAL TERHADAP TAFSIR NUR AL-IHSAN: SATU KAJIAN MENURUT KAEDAH PARALLEL. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 48-59.
- Muhammad Ismi., M. T. (2003). *Isra'iliyyat dalam tafsir: kajian terhadap kitab Nur al-Ihsan, karya Haji Muhammad Said bin 'Umar*. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Said, U. (1391H/1970M). *Tafsir Nur al-Ihsan* (Jld. Jilid 1). Fatani: Matba'ah Bin Halabi.
- Rahman, a. R. (2010, mei). Mengenali Tuan Haji Saaid Mufti Ulama Tersohor. *Seminar Ulama Melayu*, (p. 2). Shah Alam.
- Yusoff, I. (1995). Perkembangan Penulisan dan terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di malaysia. *Islamiyyat*, 19-32.